

# Yuran USIM kekal walaupun bajet kurang

**SEREMBAN 2 Nov.** - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan memperkasa bidang akademik di samping meneruskan kecemerlangan dalam penyelidikan dan inovasi seperti mana perancangan walaupun peruntukan kepada universiti dikurangkan dalam Bajet 2016.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, selain perancangan universiti, pengurangan peruntukan juga tidak akan menyebabkan yuran pengajian dinaikkan bagi menampung kekangan peruntukan yang diterima.

"Ini disebabkan pengurusan USIM mempunyai perancangan strategik dalam mendepani cabaran kewangan pada tahun hadapan.

"Justeru, USIM akan memastikan perbelanjaan berhemat dipraktikkan dalam kalangan warganya seperti penjimatan pengurusan kos utiliti dan penyelenggaraan atau kerosakan aset universiti," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Musa, USIM menghargai komitmen kerajaan yang

berterusan memberi perhatian dan keutamaan dalam perancangan perbelanjaan negara.

Pihak universiti juga katanya, mengambil pendekatan menggalakkan dalam menjana kewangan fakulti melalui penubuhan Tabung Enterprise.

"Langkah ini mendapat sambutan baik dan secara tidak langsung mendayakan jabatan-jabatan di USIM untuk mengurus perbelanjaan mereka selain mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan kewangan universiti.

"Kita akan terus memperkasakan syarikat induk USIM iaitu Tijarah Holdings Sdn. Bhd., serta lapangan perniagaan baharu akan giat diterokai bagi memastikan syarikat ini terus berdaya saing dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa," katanya.

Tambah Musa, menerusi penawaran program akademik yang lebih berdaya saing dan kompetitif di peringkat antarabangsa juga dilihat mampu meningkatkan jumlah pelajar luar ke universiti berkenaan.